



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
Accountant General's Department of Malaysia  
NEGERI PAHANG  
Tingkat 1, Wisma Persekutuan  
25594 Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel : 09-591 5000  
Faks : 09-516 4931  
Laman Web : <https://pahang.anm.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/2/15 Jld.2 (39)

Tarikh : 16 Disember 2024

**SURAT PERINGATAN PERTAMA**

**Senarai Edaran  
(Seperti di Lampiran Adan Lampiran B)**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI AKAUN DEPOSIT NOVEMBER 2024**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, merujuk kepada para 10.1 Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit (Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 1 tahun 2023), PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam laporan adalah tepat dan betul. Pengesahan dilakukan dengan melengkapkan **Sijil Pengesahan Baki** dan mengemukakan kepada AO selewat-lewatnya pada **14 haribulan bulan berikutnya**.

3. Berdasarkan kepada arahan tersebut, semakan JANM Pahang mendapati masih terdapat PTJ yang belum mengemukakan Pengesahan Baki Akaun Deposit pada bulan November 2024 seperti di **Lampiran A**. Bersama-sama ini dilampirkan status penerimaan Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit bagi jabatan-jabatan di bawah seliaan JANM Pahang pada **bulan November 2024**.


4. Sehubungan dengan itu, sila kemukakan Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit kepada JANM Pahang dengan **kadar segera**. Tindakan semakan dan pengesahan laporan oleh PTJ adalah penting bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan dengan lengkap dan tepat.

5. Kerjasama dan tindakan **SEGERA** adalah diperlukan bagi penerimaan Sijil Pengesahan Baki Deposit yang berstatus **TH (Tidak Hantar)** dan **K (Kuiri)**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan Puan Siti Rodziah binti Haron di talian 09-5915026. Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(FREDRICK GUPONG AK TAWAN C.A.(M), ACMA, CGMA)**

Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Pahang